

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]**

SOALAN :

YB. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik jumlah pelancong asing yang melawat negeri Pulau Pinang dan negeri Melaka mengikut negara asal masing-masing dalam tempoh 2008 hingga sekarang.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumpulan data ketibaan pelancong asing ke Malaysia dibuat berdasarkan pemeriksaan pasport (*pasport scanning*) di pintu-pintu masuk di negara ini. Pergerakan seseorang pelancong asing ke negeri-negeri di Malaysia tidak direkodkan kecuali di Sabah dan Sarawak. Walaubagaimanapun, bilangan penginap hotel antarabangsa yang menginap di hotel di setiap negeri di Malaysia boleh digunakan sebagai petunjuk.

Setakat data yang diperolehi, seramai **2.1 juta** orang penginap hotel antarabangsa telah menginap di hotel-hotel di Pulau Pinang pada tahun 2013. Manakala seramai **1.9 juta** orang penginap hotel antarabangsa menginap di hotel-hotel di Melaka pada tahun yang sama. Bagi menambahbaik data penginap hotel, kaedah baharu telah digunakan pada tahun 2013. Justru, statistik penginap hotel pada tahun 2013 tidak boleh dibuat perbandingan dengan tahun-tahun sebelumnya.

10 pasaran utama ketibaan pelancong asing ke Malaysia adalah Singapura, Indonesia, China, Thailand, Brunei, India, Filipina, Australia, Jepun dan United Kingdom.

Sekian, terima kasih.